Berita Minggu, Ahad, 28 Jun, 1981

Berita berfoto

Sekitar Perhimpunan Agung UMNO Ke-32 dan perletakan batu asas Bangunan UMNO 35 tingkat

# Seri gembira terakam mesra















WAJAH berseri, gembira, bangga dan mesra terakam di mana-mana. Tiga hari suntuk lebih 10,000 ahli UMNO beriringan dengan pemimpin-pemimpin mereka sekata menjayakan berbagai acara bersejarah.

Di Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita mereka mendengar amanat Timbalan Presiden, Datuk Seri Dr. Mahathir, berbincang hangat masalah bangsa, agama dan negara.

Di acara perletakan batu asas bangunan 35 tingkat ibupejabat dan nadi pergerakan parti sebelah petang, hari perhimpunan pertama, hujan lebat tidak menjejaskan semangat perjuangan mereka.

Di Perhimpunan Agung ke-32, mereka memilih pemimpin-pemimpin baru bakal meneruskan perjuangan yang sudah diredas bersama. Walaupun dalam adat pertarungan ada kalah menangnya, namun perpaduan mereka utuh.

Berbagai lagak, bermacam gerak, senda gurau dan gelak ketawa yang dirakamkan dalam keenam foto ini adalah gambaran keseluruhan perasaan ahli-ahli UMNO.

Yang penat melabuhkan punggong duduk di tebing pentas, merokok mereka bersama, berjabat tangan semesra mungkin, berbual seakrabnya diselubungi gurauan yang tidak henti-henti, disulami gelak dan tawa.

Kejayaan UMNO selama ini membawa kesempurnaan hidup kepada bangsa Melayu tidak akan mereka benarkan terjejas oleh perpecahan.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia